

**PERUTUSAN DARI KETUA MENTERI DI
KEDIAMANNYA SEBELUM BERLEPAS KE
LONDON PADA 9HB MEI, 1957**

Rombongan daripada Persekutuan Tanah Melayu termasuk wakil Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan wakil pihak Perikatan pada hari ini akan berlepas dari Kuala Lumpur kerana mengambil bahagian di dalam perbincangan yang akhir sekali berkenaan dengan Kemerdekaan Tanah Melayu. Kemerdekaan ini boleh dikatakan tertumpu kepada perundingan yang telah lepas antara kita dengan wakil Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen yang telah mengadakan fahaman yang baik dan selama ini fahaman yang baik itu telahpun bertambah-tambah baik lagi.

Saya tidak syak lagi bahawa perundingan yang kita akan adakan pada kali ini akan dijalankan dengan perasaan muhibah antara satu dengan lain. Dahulu, lepas daripada sini ada berbagai-bagai permintaan dari parti-parti hendak masuk campur sama dan hendak mengambil bahagian di dalam perundingan yang akhir ini. Saudara-saudara tentulah ketahui daripada 12 haribulan Februari sampai bulan Mei ini kita telah mengadakan perundingan antara wakil-wakil Raja dengan High Commissioner dan pihak Perikatan dan baru sahaja kita mendapat fahaman yang baik dan dapat menyelesaikan perkara-perkara yang berselisih. Kalau kita masukkan parti-parti yang baru ini dalam perundingan yang akan diadakan maka telah tentu perundingan ini bukan dijadikan perundingan yang akhir sekali tetapi sebaliknya akan dimulakan perundingan bagi membukakan semula perkara-perkara yang sudah pun selesai dan kerana itu Kemerdekaan Tanah Melayu akan dilambatkan dan harus juga akan berbangkit kacau-bilau dan huru-hara dan kerana itu terpaksa kita mencegah mereka daripada masuk campur di dalam perkara ini dalam masa yang sangat lambat.

Kita ini telah diamanahkan oleh rakyat negeri ini menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu dan menyediakan Tanah Melayu bagi menjadi satu negeri yang aman dan makmur dan menyatukan rakyat-rakyat Tanah Melayu menjadikan satu orang yang taat setia kepada Tanah Melayu.

Dengan tabir Allah Subhanahu Wataala dan pertolongan dan
penjurut Tahan Tahanan kita jikalau dengan sempurna selesai



Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra dan ahli-ahli Rombongan Malaya ke London melambai-lambai kepada kumpulan besar orang ramai yang berada di Lapangan Terbang Kuala Lumpur untuk mengucapkan selamat jalan kepada mereka pada 9hb Mei, 1957

Dengan takdir Allah Subhanahu Wataala dan pertolongan dan petunjuk Tuhan telahpun kita jalankan dengan sempurna sekalian amanah-amanah yang kita tanggung itu dan pada kali ini saya suka hendak memberitahu kepada Tuan-tuan sekalian bahawa kami yang taat dan setia di atas segala tanggungan-tanggungan yang kami telah terima dan terpulang kepada Allah Subhanahu Wataala supaya Malaya ini akan menjadi satu negeri yang makmur dan senang dan rakyat-rakyat Tanah Melayu ini boleh mengadakan satu fahaman dan terima kasih di atas rakyat-rakyat di sini yang telah memberi pertolongan di masa yang lepas kepada kami sekalian. Merdeka!

CATITAN: Ucapan ini telah diedit dari teks asalnya.